

28 anak yatim diraikan dalam satu Majlis Iftar bersama FSSA UMS

UB H. 6.2019 A4

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Seramai 28 anak yatim dari Rumah Amal Kasih Asnaf Kingfisher telah diraikan dalam Majlis Iftar anjuran Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), dan Alumni FSSA, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini.

Dekan FSSA Prof Dr Baba Musta berkata, majlis yang julung kalinya dianjurkan itu bertujuan berkongsi kegembiraan dan meraikan golongan yang kurang bernasib baik itu pada bulan Ramadan al-Mubarak.

“Biar pun sederhana, majlis ini berseri dengan senyuman

yang terukir di wajah anak-anak yatim berkenaan.

“Kita mahu meraikan merekadengancara istimewa, selain mahu kegembiraan yang kita ada ini dikongsi bersama dengan mereka yang benar-benar memerlukan,” katanya dalam suatu kenyataan di sini pada Isnin.

Beliau berkata, majlis itu juga dalam masa yang sama sebagai satu usaha merapatkan silaturahim antara alumni dan warga FSSA.

“Turut diadakan Ceramah Tazkirah Ramadan yang disampaikan Ketua Program Pendarasan Islam, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan UMS Dr Issraq

Ramli,” katanya.

Bertempat di Kompleks Perhutanan fakulti berkenaan, lebih 110 orang hadir menjayakan majlis itu termasuk kakitangan akademik, kakitangan pentadbiran dan pelajar antarabangsa FSSA.

Pada majlis itu, Baba turut menyempurnakan penyampaian sumbangan Ramadan kepada anak-anak yatim.



RAKAMAN gambar kenangan oleh sebahagian alumni dan warga FPP bersama anak yatim. Turut kelihatan Baba (belakang, enam kanan).